BAB 2

PUCUK REBUNG MENANTI LENTURAN

2.1 Susur Galur Keluarga Liang Shuming

Pada 18 Oktober 1893, dengan kedengaran tangisan seorang bayi, satu nyawa baru telah lahir di keluarga Liang, Beijing. Bayi itu diberi nama Huanding, kemudian namanya ditukar kepada Shuming.[1] Liang Shuming merupakan anak kedua dalam keluarga Liang. Abangnya bernama Huannai, enam tahun lebih tua daripada Shuming.[2] Selain itu, Liang Shuming turut mempunyai dua orang adik perempuan. Walaupun Liang Shuming dilahirkan pada ketika China berada dalam keadaan yang porak peranda, tetapi mujurnya beliau dapat menikmati kehidupan kekeluargaan yang bahagia.

Ayah Liang Shuming, Liang Ji (1859-1918) amat menyayanginya. Sewaktu kecil, Liang Shuming bukan seorang budak yang cergas; kesihatannya tidak begitu memuaskan kerana badannya amat lemah.[3] Ketika Liang Shuming berusia enam

---

[1] Liang Shuming, "Nianpu" (Biografi Kronologi), dalam Zhongguo Wenhua Shuyuan Xueshu Weiyuanhui ed., *Liang Shuming Quanji* (*LSQ*) (Antologi Liang Shuming) (Jinan: Shandong Renmin Chubanshe, 1989), 1: 567.

[2] Liang Huannai lahir pada tahun 1887. Beliau belajar di Jingshi Yixueguan—sebuah institut kerajaan yang bertujuan melatih pakar-pakar untuk berurusan dengan orang asing—semenjak penubuhannya pada tahun 1903 hingga Ogos 1906. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Meiji di Tokyo dan mengkhusus dalam bidang perdagangan. Selepas mendapat ijazah, Liang Huannai pernah berkhidmat sebagai penterjemah di kedutaan China di Tokyo. Beliau kembali ke China pada tahun 1912 dan mengajar di sebuah univeristi di Xian. Pada tahun 1916, beliau memasuki Kementerian Pertanian dan Perdagangan. Pada tahun-tahun yang berikutnya, Liang Huannai memulakan kareernya berkhidmat dalam biro pentadbiran landasan keretapi kerajaan. Lihat "Nianpu" (Biografi Kronologi), *LSQ*, 1: 576 dan 580-587.

[3] Sewaktu kecil, badan Liang Shuming amat lemah: kekurangan stamina, cuaca belum menukar sejuk, kaki dan tangannya telah kesejukan, mudah pengsan dan sebagainya. Keadaan sebegitu merisaukan orang-orang tuanya dan beliau tidak dapat bermain dengan riang gembira atau aktif seperti kanak-kanak lain. Apabila belajar di sekolah menengah, beliau masih tidak berani bermain dengan rakan-

tahun, beliau telah terjatuh di anak tangga, dahinya telah terluka dan pengsan. Tatkala berumur sepuluh tahun, dahi, lengan dan paha Liang Shuming telah berbisul sabut. Beliau tidak dapat duduk, berdiri, ataupun berbaring dan berasa amat sakit lalu sentiasa menangis kesakitan. Liang Ji melihat keadaan anaknya yang menderita, telah memasak bubur dengan sendirinya dan menyuapkan anaknya selama setengah tahun.[4] Peristiwa ini menunjukkan betapa mendalamnya kesayangan Liang Ji terhadap anaknya.

Apabila Liang Shuming semakin membesar, beliau amat berminat dalam pembelajaran dan prihatin terhadap isu-isu semasa. Minatnya dalam aspek tersebut sama seperti ayahnya. Di samping itu, Liang Shuming suka akan karya-karya Liang Qichao (1873-1929), seorang intelektual berpengaruh dan terkemuka China.[5] Liang Ji sungguh puas hati dan gembira melihat minat membaca anaknya yang begitu mirip dengan dirinya. Justeru, Liang Ji telah memberi satu nama lain kepada Liang Shuming, iaitu Xiaowu (makna literal ialah 'mirip kepada saya').[6]

Mengikut rekod susur galur keluarga Liang yang silam, mereka berketurunan daripada golongan aristokrat ternama dinasti Yuan (1279-1368). Menurut rekod biografi kronologi keluarga Liang lagi, mereka merupakan keturunan daripada anak

---

rakannya seperti permainan sepak bola. Namun demikian, setelah peningkatan usianya, badan beliau semakin sihat dan kuat. Lihat Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming) (Guangxi: Lijiang Chubanshe, 1996), hlm. 8-9.

[4] "Siqin Ji" (Mengenang ibu bapa), *LSQ*, 1: 593.

[5] Liang Qichao merupakan seorang sarjana yang amat terkenal pada zamannya. Karya-karya dan pemikirannya telah menarik minat generasi intelektual muda khususnya dan berpengaruh di kalangan khalayak ramai. Beliau sentiasa mengemukakan kritikan terhadap isu-isu semasa, mengutarakan pemikiran politiknya dan memperkenal idea-idea Barat. Liang Shuming amat gemar membaca majalah serta artikel yang diedit atau ditulis oleh Liang Qichao sewaktu beliau masih belajar di sekolah menengah. Malah, Liang Qichao telah menjadi pujuan Liang Shuming ketika beliau masih muda. Lihat Gong Jianping, *Liang Shuming Dushu Shengya* (Kisah Pembelajaran dan Pembacaan Liang Shuming) (Wuhan: Changjiang Wenyi Chubanshe, 1998), hlm. 23.

[6] "Siqin Ji" (Mengenang ibu bapa), *LSQ*, 1: 593.

raja kelima Kublai Khan (dinasti Yuan).[7] Namun demikian, keluarga Liang Shuming tidak beranggapan mereka berketurunan bangsawan; walaupun nenek moyang Liang Shuming telah lama berkhidmat dalam birokrasi kerajaan dinasti Qing (1644-1911).

Ayah Liang Shuming, Liang Ji, dilahirkan pada tahun 1859. Sejak kecil lagi, Liang Ji telah mempelajari klasik-klasik Konfusianisme di bawah didikan datuknya, Liang Baoshu.[8] Selain itu, ibu Liang Ji turut mendidiknya dengan disiplin yang ketat. Apabila menjangkau dewasa, Liang Ji telah berkahwin dengan Zhang Ying, seorang anak perempuan pegawai tinggi kerajaan. Zhang Ying merupakan seorang isteri yang bertimbang rasa dan bertanggungjawab di mana Zhang telah menjualkan harta persendiriannya demi menanggung perbelanjaan keluarga Liang. Liang Ji amat menghargai dan terharu terhadap usaha isterinya dengan mengatakan bahawa:

> Semenjak muda, saya tidak memiliki harta benda tetap, tetapi kini saya mempunyai rumah untuk didiami, mempunyai kubur untuk disemadi. Rumah dan kubur sebenarnya berasal daripada barang-barang dalam peti Chunyi [nama lain Zhang Ying].[9]

Seperti kebanyakan intelektual, Liang Ji juga berharap dapat memegang jawatan dalam pentadbiran kerajaan. Hakikatnya, beliau hanya berpeluang memegang jawatan yang tidak begitu tinggi dalam birokrasi kerajaan. Selain daripada berhasrat berkhidmat untuk kerajaan, Liang Ji juga amat prihatin terhadap keselamatan negara

---

[7] Anak Kublai Khan yang kelima bernama Hekeqi. Pada tahun 1281, Hekeqi dianugerahi sebagai raja di Yunnan. Apabila dinasti Yuan berakhir, diikuti oleh dinasti Ming (1368-1644), zuriat Hekeqi telah berhijrah ke kawasan Daliang (Hunan kini). Justeru, mereka menggunakan "Liang" sebagai nama keluarga. Keluarga Liang menikmati status tinggi dalam kerajaan Ming. Sewaktu dinasti Qing (1644-1911) pula, mereka berpindah ke Jiangning dan menjawat jawatan dalam birokrasi Qing. Lihat "Nianpu" (Biografi Kronologi), *LSQ*, 1: 551.

[8] Antara klasik Konfusianisme yang dipelajari ialah *Pembelajaran Agung* (*Daxue*) dan *Kesederhanaan* (*Zhongyong*), iaitu dua bab yang terkandung dalam buku *Liji* (Rekod Protokol). *Pembelajaran Agung* menyarankan bagaimana seseorang dapat menyempurnakan personaliti diri, menguruskan hal ehwal rumahtangga dan mentadbir negara. *Kesederhanaan* pula membicangkan kesederhanaan dan kejujuran sebagai standard etika yang tertinggi serta mengemukakan bagaimana proses-proses pembelajaran ataupun menimba ilmu. Sewaktu dinasti Song Selatan (1127-1279), klasik-klasik tersebut penting bagi golongan terpelajar dan mereka yang ingin menduduki peperiksaan awam tradisional.

[9] "Nianpu" (Biografi Kronologi), *LSQ*, 1: 560.

dan keadaan rakyat jelata. Pada ketika itu, tentera British dan Perancis telah menakluki Tianjin pada tahun 1860; pada tahun 1884 pula, tentera China dan Perancis berperang di Vietnam; manakala pada tahun 1894 Perang Sino-Jepun meletus dan termeterainya Perjanjian Shimoneseki yang amat memalukan pihak China. Dalam zaman sebegitu, Liang Ji pernah menyuarakan pandangannya kepada pihak berkuasa atasan, namun beliau tidak berkeupayaan mengubah atau membuat apa-apa terhadap situasi semasa. Dengan itu, beliau mengalihkan perhatiannya kepada pendidikan anak-anaknya dan amat menggalakkan mereka belajar ke luar negeri. Malah Liang Ji berpendapat:

> [Kita] mesti menganggap bahawa melanjutkan pelajaran ke seberang laut sebagai perkara yang amat penting, tidak seharusnya menjimatkan kosnya, tidak seharusnya risau tentang keletihan, walaupun perlu menghabiskan sebahagian besar daripada harta keluarga tidak merupakan hal yang keterlaluan.[10]

2.2 Pendidikan Sekolah Rendah & Menengah

Ketika Liang Shuming berusia lima tahun, iaitu pada tahun 1898, beliau tidak seperti kanak-kanak lain bermula mempelajari dan menghafal klasik-klasik Konfusianisme; sebaliknya Liang Ji di Beijing telah mengupah seorang tutor persendirian untuk mengajar Liang Shuming. Pada waktu itu, Liang Shuming mulai belajar *Bumi* (*Diqiu Yunyan*) dengan tutornya. Sebenarnya, corak pendidikan Liang Ji yang agak luar biasa tidak popular diamalkan oleh kebanyakan keluarga.[11] Dalam pada itu, beberapa peristiwa telah berlaku, antaranya Reformasi Seratus Hari[12] telah

---

[10] "Nianpu" (Biografi Kronologi), *LSQ*, 1: 573.

[11] Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming) (Hunan: Hunan Chubanshe, 1992), hlm. 6; "Nianpu" (Biografi Kronologi), *LSQ*, 1: 573.

[12] Pada akhir tahun 1897 dan permulaan tahun 1898, ahli-ahli reformasi semakin ingin menerajui kekuasaan politik berikutan daripada konsesi Beijing yang diberi kepada Jerman dan pencerobohan kuasa-kuasa Barat yang semakin menjadi-jadi. Justeru, Kang Youwei (1858-1927) telah menghantar beberapa memorial kepada maharaja pada Disember 1897, di mana beliau menegaskan hanya melalui pembaharuan politik sahaja dapat menyelamatkan China dan dinasti Qing daripada keruntuhan. Maka,

bermula dan peperiksaan awam telah dimansuhkan.[13] Maka, pendidikan awal Liang Shuming tidak terikat dengan klasik-klasik Konfusianisme sememangnya tidak menghairankan.

Buku *Bumi* ialah sebuah buku yang memaparkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bumi, yakni pengetahuan-pengetahuan mengenai benua Eropah, Asia, Lautan Pasifik, dan Lautan Atlantik.[14] Walaupun masih mentah ketika mempelajari *Bumi*, beliau tetap menikmati pembelajaran tersebut. Pendidikan awal beliau menunjukkan jurang yang begitu berbeza di antara kurikulum pendidikan di kawasan bandar dan luar bandar. Ini secara tidak langsung menandakan China pada ketika itu sedang melalui suatu era pertembungan kebudayaan antara Barat dan Timur yang tidak dapat dielakkan.

Lebih-lebih lagi, setelah China kalah dalam Perang Candu (1839-1842), impak-impaknya ke atas China dan rakyatnya adalah mendalam.[15] Orang Cina mulai

---

pada 11 Jun 1898, maharaja Guangxu telah menurunkan perintah yang menyetujui dengan cadangan Kang. Di samping itu, reformasi tersebut sebenarnya hanya berlangsung selama 103 hari, yakni berakhir pada 16 September 1898. Rujuk Jean Chesneaux, Marianne Bastid dan Marie-Claire Bergère, *China from the Opium Wars to the 1911 Revolution*, terjemahan Anne Destenay (New York: Pantheon Books, 1976), hlm. 320-321.

[13] Berikutan daripada China terpaksa tunduk kepada kuasa-kuasa imperial Barat pada sekitar tahun 1900 akibat peristiwa pemberontakan Boxer, dinasti Qing telah mengambil inisiatif untuk memperkuat kerajaan dan memfokuskan pembaharuan dalam tiga aspek iaitu pendidikan, ketenteraan dan pentadbiran/institusi kerajaan. Selain itu, perintah rasmi untuk reformasi bidang pendidikan telah dikeluarkan pada Januari 1901 dan secara beransur-ansur peperiksaan awam tradisional telah dimansuhkan pada September 1905, di mana sistem pendidikan yang mencontohi pendidikan era Meiji di Jepun akan menggantikan sistem pendidikan tradisional. Lihat Jean Chesneaux, Marianne Bastid dan Marie-Claire Bergere, *China from the Opium Wars to the 1911 Revolution*, terjemahan Anne Destenay, hlm. 345-346.

[14] Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming), hlm. 6.

[15] Akibat daripada Perang Candu, China terpaksa menandatangani Perjanjian Nanjing dengan kuasa-kuasa Barat pada 29 Ogos 1842. Perjanjian tersebut telah memaksa China membuka 5 pelabuhan (Guangzhou, Xiamen, Fuzhou, Ningbo dan Shanghai) untuk tujuan perdagangan, kapal meriam dan penempatan; Hong Kong pula diserahkan kepada British. Selain itu, pelbagai tarif dan syarat-syarat perdagangan yang hanya menguntungkan kuasa-kuasa Barat telah ditetapkan. Namun demikian, perkara yang paling menonjol dalam Perjanjian Nanjing ialah peruntukan yang membenarkan orang-orang Barat terkecuali daripada perundangan China (*extraterritoriality*) dan status "negara paling diminati" (*most-favored-nation*) diberi kepada Barat. Perjanjian Nanjing telah menimbulkan banyak

sedar tentang kelemahan-kelemahan mereka, namun masih terdapat golongan tertentu yang tidak menyedari hakikat tersebut. Tindakan Liang Ji memberi anak-anaknya menerima pendidikan ala moden menunjukkan kesedarannya mengenai kekurangan-kekurangan yang terdapat pada pendidikan tradisi. Misalnya, anak sulung Liang Ji, Huannai telah belajar ke Jepun dalam perdagangan; kedua-dua anak perempuannya Huangao dan Xingao turut menerima pendidikan tinggi tanpa berfikiran kolot bahawa kaum wanita tidak perlu celik huruf.[16]

Ketika berusia enam tahun, Liang Shuming secara formal telah menghadiri ke Sekolah Rendah Zhongxi. Sekolah itu dianjurkan oleh mereka yang berfikiran liberal dan moden. Di sekolah, sukatan pelajaran merangkumi pengetahuan Cina dan Barat, malah para pelajar harus mempelajari bahasa Inggeris. Menurut Liang Shuming:

> Sekolah Rendah Zhongxi, perkataan "Zhong" bermakna mempelajari bahasa Cina, perkataan "Xi" merujuk kepada pembelajaran bahasa Inggeris, yakni ABCD. Pada ketika itu, orang ramai berasa amat baru terhadap sekolah tersebut. Malahan jiran-jiran turut menaruh pandangan yang berlainan ataupun aneh terhadap murid-murid yang menuntut di sekolah itu.[17]

Objektif sekolah rendah itu ialah mendidik generasi muda yang mahir dalam ilmu Barat dan Timur. Tetapi malangnya, sejak pembukaannya selama setahun, sekolah tersebut terpaksa diberhentikan kerana tentera-tentera Barat telah

---

masalah sampingan dan ketidakupayaan China melaksanakan obligasi-obligasi perjanjian. Malah, berikutan daripada ketidaksaksamaan Perjanjian Nanjing, insiden-insiden pemberontakan dan ketidakpuashati di kalangan rakyat dan intelektual telah berlaku. Reaksi China yang lembap terhadap Barat adalah disebabkan oleh kekurangan informasi perihal dunia luar. Di samping itu, pegawai-pegawai dinasti Qing masih menganggap orang Barat sebagai barbarian yang ingin mengejar keagungan tamadun Cina. Mereka turut gagal memahami bahawa orang Barat tidak serupa dengan orang gasar terdahulu yang mencerobohi China. Rujuk June Grasso, Jay Corrin dan Michael Kort, *Modernization and Revolution In China* (New York: M.E. Sharpe, 1997), hlm. 39-45.

[16] Huangao (lahir pada tahun 1894) dan Xingao (lahir pada tahun 1896), kedua-duanya merupakan lepasan Jingshi Nuzi Shifan Xuexiao (sekolah perempuan metropolitan yang ditubuhkan sejak tahun 1908) pada tahun 1911. Lihat "Nianpu" (Biografi Kronologi), *LSQ*, 1: 583.

[17] Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming), hlm. 6.

mencerobohi China.[18] Justeru, Liang Shuming terpaksa berhenti sekolah dan berehat di rumah. Tidak lama kemudian, beliau menyambung pembelajarannya di sebuah sekolah moden yang bernama Sekolah Rendah Awam Nanhengjie. Akhirnya, beliau menamatkan pendidikan sekolah rendahnya di Sekolah Rendah Jiangsu ketika berumur duabelas tahun.[19] Secara amnya, dapat dikatakan bahawa Liang Shuming tidak menerima pendidikan awalnya dengan lancar kerana kadang kala ia tergendala disebabkan krisis politik yang genting dan situasi persekitaran yang tidak stabil.

Selain daripada menerima pendidikan formal, Liang Shuming amat minat membaca. Beliau membaca bahan-bahan tambahan di luar sukatan pelajaran. Beliau sungguh berminat terhadap suratkhabar dan majalah yang dikeluarkan khas untuk kanak-kanak. Isi kandungan bahan bacaan tersebut amat luas, ia meliputi ilmu astronomi, geografi, matematik, sejarah, tokoh-tokoh terkenal, cerita dongeng dan cerita rakyat.[20] Tambahan pula, Liang Ji amat menggalakkan anaknya membaca bahan-bahan tersebut. Keadaan sebegitu telah menanam minat membaca, sikap suka

---

[18] Pada 20 Jun 1900, tentera kerajaan Qing secara rasminya telah berperang dengan tentera bersekutu yang terdiri daripada Jepun, Rusia, British, Amerika, Jerman, Perancis, Austria dan Itali di Tianjin serta Beijing. Insiden itu berlaku kerana angkara Pemberontakan Boxer 1900 yang anti-orang asing, anti-Kristian, mengepung dan menakluki kawasan kedutaan kuasa-kuasa Barat di Beijing. Tambahan pula, kerajaan Qing tidak berusaha bersungguh-sungguh membanteras gerakan Boxer pada peringkat awal walaupun pernah digesa oleh kuasa-kuasa Barat. Selain daripada ramai penganut Kristian dan orang Barat dibunuh dan diseksa, rakyat jelata China turut tidak terselamat daripada peristiwa itu. Akhirnya, satu persetiaan telah ditandatangani pada 7 September 1901 di mana China perlu membayar pampasan sebanyak £67,500,000 (kira-kira $335,000,000 mengikut kadar pertukaran tahun 1900, atau $4,355,000,000 mengikut nilai kini). Lihat Diana Preston, *The Boxer Rebellion: The Dramatic Story of China's War on Foreigners That Shook the World in the Summer of 1900* (New York: Walker Publishing Co., 2000), hlm. 310.

[19] Gong Jianping, *Liang Shuming Dushu Shengya* (Kisah Pembelajaran dan Pembacaan Liang Shuming), hlm. 18.

[20] Menurut Liang Shuming, bahan bacaan yang paling digemarinya ialah majalah berilustrasi *Qimeng* (*Qimeng Huabao*) yang khas diterbit untuk kanak-kanak berumur sekitar sepuluh tahun. Bahkan kanak-kanak lain turut sungguh gemar membaca majalah berilustrasi *Qimeng* dan tidak sabar menantikan terbitannya setiap minggu. Majalah itu turut memaparkan hal-ehwal semasa dan peristiwa sejarah penting seperti Pemberontakan Taiping, pencerobohan kuasa-kuasa Barat tahun 1900 dan sebagainya dalam bahasa yang ringkas lagi mudah untuk kanak-kanak. Pengasas *Qimeng Huabao*, Peng Yizhong merupakan kawan karib Liang Ji dan guru informal Liang Shuming. Beliau menambah bahawa bahan bacaan tersebut amat memanfaatkannya kerana dapat menimba banyak ilmu dan sangat berpengaruh terhadap pemikiran dirinya. Lihat Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm. 14.

mempelajari dan berfikir mendalam Liang Shuming. Walau bagaimanapun, pada hari kemudiannya Liang Shuming menyifatkan bahawa beliau tidak pernah mempelajari klasik-klasik Konfusianisme sebagai "kerugian pembelajaran" dan berasa kesal kerana tidak dapat mengingati ayat-ayat klasik tersebut apabila hendak membuat petikan.[21]

Kemudian, pada tahun 1906, Liang Shuming memasuki Sekolah Menengah Shuntian. Sekolah menengah itu turut merupakan sekolah yang berorientasikan sukatan pelajaran moden. Di sekolah, para pelajar perlu mempelajari bahasa Inggeris dan juga kesusasteraan klasik Cina, namun tumpuan kurikulum lebih menitikberatkan bahasa Inggeris dan matematik.[22]

Setelah memasuki sekolah menengah, Liang Shuming mulai berfikir mengenai perkara-perkara yang berkait rapat dengan realiti hidup. Beliau seperti juga ayahnya amat prihatin terhadap isu-isu semasa. Selain itu, cara pemikiran Liang Ji secara tidak langsung turut mempengaruhi Liang Shuming. Bagi Liang Ji, karya kesusasteraan klasik merupakan sesuatu yang hipokrit. Beliau memandang sinis terhadap kesusasteraan klasik kerana kesusasteran tidak dapat menyelamatkan dinasti Qing yang berada di pinggir keruntuhan. Liang Ji berpendapat dinasti Qing pada ketika itu

---

[21] "Tan Fo" (Membincangkan Buddhisme), *LSQ*, 4: 492.

[22] Menurut Liang Shuming, Sekolah Menengah Shuntian merupakan salah sebuah sekolah menengah ala moden yang amat berpengaruh di Beijing. Beliau belajar di sana selama 5 ½ tahun. Jurang umur antara pelajar adalah ketara, misalnya pelajar yang paling senior berusia 27 dan yang paling muda berusia 14. Liang Shuming merupakan pelajar yang paling muda di kalangan rakan setingkatannya. Di sekolah itu juga, beliau berkenalan dengan empat orang kawan karib yang senantiasa diingatinya. Ketika tamat pengajian, Revolusi 1911 yang dipimpin oleh Dr. Sun Yat-sen (1866-1925) sedang hangat berlaku di China. Selain itu, pada saat hampir menamatkan pengajian, pemikiran Liang Shuming telah mengalami perubahan, iaitu daripada menyetujui sistem politik parlimen berperlembagaan kepada cenderung terhadap gerakan revolusi. Malah, beliau telah menyertai Liga Bersekutu Orang-orang Cina (Tongmenghui) cawangan Jingjin apabila hampir-hampir tamat pengajian. (Liga Bersekutu Orang-orang Cina akan diterangkan pada nota kaki ke-35). Lihat Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming), hlm 12-14.

lebih memerlukan langkah-langkah pembaharuan yang dapat memulihkan kekuatan negara China. Pandangan beliau itu sering dikatakan mirip kepada Mohisme dan berkecenderungan kepada utilitarianisme, yakni mementingkan utiliti dan keberkesanan sesuatu perkara.[23]

Maka, dengan pengaruh daripada ayahnya, Liang Shuming juga memandang rendah terhadap kesusasteraan klasik sejak belajar di sekolah menengah. Liang Shuming tidak berminat terhadap metafizik Daoisme dan berasa kesusasteraan amat memeningkannya serta tidak bererti. Pada usia muda, Liang Shuming turut berpendapat bahawa dengan kesusasteraan atau penulisan sastera, ia tidak mampu memulihkan kekuatan negara; sebaliknya hanya dengan langkah-langkah yang praktik, barulah masalah-masalah China dapat diselesaikan.[24] Dengan itu, beliau banyak membaca buku, suratkhabar dan majalah, antaranya *Akhbar Xinmin* (*Xinmin Congbao*), *Fiksyen Baru* (*Xinxiaoshuo*), *Akhbar Rakyat Baru* (*Xinminshuo*), *Pendidikan Moral* (*Deyujian*), *Beijing Harian* (*Beijing Ribao*), *Berita Shuntian* (*Shuntian Shibao*), *Imperial Harian* (*Diguo Ribao*), *Akhbar Shen* (*Shen Bao*), *Akhbar Xinwen* (*Xinwen Bao*), *Berita Shi* (*Shi Bao*), dan *Berita Guofeng* (*Guofeng Bao*).

---

[23] Bagi Liang Ji, sebarang tindakan, penginstitusian ataupun polisi harus dinilai berdasarkan keberkesanannya dalam usaha menguatkan China. Oleh itu, Liang Ji mengalu-alukan reformasi yang dipelopori oleh Kang Youwei pada tahun 1898. (Keterangan lanjut mengenai reformasi tersebut sila rujuk nota kaki ke-12). Liang Shuming turut mengatakan bahawa "Ayah sentiasa berpegang pada standard ukuran "berfaedah"atau sebaliknya untuk menilai sesuatu perkara. Ayah mengkritik segala perkara duniawi dengan berasaskan yang berfaedah adalah baik, sebaliknya tidak berfaedah bermakna tidak baik. Ini seolah-olah mempunyai persamaan dengan idea pragmatisme James dan John Dewey. Sungguhpun ayah pernah menduduki peperiksaan awam tradisional tetapi ironiknya beliau memandang rendah golongan terpelajar dan menganggap mereka tidak berguna kerana hal ehwal China bertambah teruk diuruskan oleh golongan terpelajar." Lihat Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm. 25 dan 54.

[24] Ketika menuntut di sekolah menengah, beliau paling tidak gemar guru mengajar puisi-puisi dan prosa-prosa klasik Cina. Malah, beliau berasa pening kepala dan meluat terutama sekali terhadap falsafah Daoisme serta beranggapan Daoisme hanya mengherot-berutkannya. Justeru beliau tidak pernah berusaha serius dalam subjek-subjek tersebut. Apabila mengingat kembali hal tersebut, beliau menyedari kesempitan pemikirannya. Oleh yang demikian, secara berperingkat-peringkat, beliau telah mengubah pemikiran sebegitu selepas usia melangkaui dua puluh tahun. Lihat Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm 55.

Bahan-bahan bacaan tersebut sentiasa hangat membincangkan isu-isu politik, sistem parlimen berperlembagaan, sistem kewangan dan lain-lain yang berkaitan dengan keadaan semasa China.[25] Perkara-perkara tersebut amat menarik minat Liang Shuming dan beliau dapat menganalisis isu-isu semasa dengan begitu kritis, seolah-olah tahap pengetahuannya bukan setakat seorang pelajar sekolah menengah sahaja.

2.3 Rakan Sebaya

Pergaulan di antara kawan-kawan dan rakan sebaya merupakan perkara yang amat penting dalam proses tumbesar seseorang, begitu juga hal dengan Liang Shuming. Setelah memasuki sekolah menengah, Liang Shuming bergaul rapat dengan beberapa orang rakan sedarjah, antaranya Liao Fushen yang berasal dari Fujian, Yao Wanli yang berasal dari Guangdong dan Wang Yifen yang berasal dari Beijing.[26] Mereka sering berkumpul membincangkan pelajaran dan belajar sesama sendiri; malah prestasi pelajaran mereka sentiasa mendahului apa yang guru akan mengajar. Kemajuan dan pengalaman yang dicapai melalui pembelajaran sendiri telah

---

[25] Editor bagi *Akhbar Xinmin* dan *Fiksyen Baru* ialah Liang Qichao. *Akhbar Xinmin* banyak membincangkan keperluan China menjalani reformasi politik serta sosial untuk menjadi sebuah kerajaan berperlembagaan yang kuat. Dari situ, Liang Shuming memperolehi banyak pengetahuan mengenai sistem dan teori politik Barat; malah, beliau turut tertarik dengan idea-idea Liang Qichao. *Fiksyen Baru* pula lebih memfokuskan pada aspek kesusasteraan. *Akhbar Rakyat Baru* dan *Pendidikan Moral* pula merupakan karya-karya Liang Qichao yang mengemukakan pemikiran politik dan konsep etika moral beliau dengan selengkapnya. *Beijing Harian, Berita Shuntian, Diguo Harian, Akhbar Shen, Akhbar Xinwen, Berita Shi* dan *Berita Guofeng* pula turut merupakan akhbar-akhbar yang membincangkan hal ehwal semasa politik seperti *Xinmin Congbao*. Lihat Gong Jianping, *Liang Shuming Dushu Shengya* (Kisah Pembelajaran dan Pembacaan Liang Shuming), hlm. 23-24; Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm. 27.

[26] Perhubungan antara mereka amat rapat, Liao Fushen telah memberi rakan-rakannya satu gelaran yang merujuk kepada kekurangan pada personaliti mereka. Pemberian gelaran bertujuan memperbaiki sahsiah masing-masing—Wang digelar "penakut", Yao digelar "kasar" Liang Shuming digelar "angkuh" dan Liao menggelar dirinya "pemalas". Lihat Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming), hlm. 14.

meyakinkan Liang Shuming bahawa tiada perkara ataupun pengetahuan yang tidak dapat dikecapi melalui cara belajar sendiri.[27]

Selain itu, Liang Shuming meluaskan lingkungan pergaulannya ke rakan bukan sedarjah. Sewaktu tingkatan tiga, Liang Shuming telah mengenali Guo Renlin (nama lain Xiaofeng) yang dua tahun lebih tua daripada beliau. Pergaulan dengan Guo Renlin amat mempengaruhi diri Liang Shuming.[28] Guo Renlin merupakan seorang yang serius, cerdik, malah mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai kitab-kitab falsafah Cina seperti *Lao Zi*, *Zhuang Zi* dan *Yi Jing*.[29] Seperti yang kita maklum terdahulu, Liang Shuming tidak memandang berat terhadap falsafah klasik Cina dan berpegang kepada idea-idea utilitarianisme,[30] tetapi kemunculan Guo Renlin sedikit sebanyak telah mengubah pandangan beliau terhadap perkara-perkara tersebut. Malah, beliau mulai berasa pemikiran dirinya agak sempit dan tidak seluas pemikiran Guo Renlin.

Di samping itu, Liang Shuming pernah meluahkan cita-citanya kepada Guo Renlin bahawa beliau ingin menyumbang tenaga kepada masyarakat dan negara. Guo

---

[27] Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm. 22-23.

[28] Menurut Liang Shuming, Guo mempunyai paras menawan bagaikan gadis jelita, namun Guo merupakan seorang yang serius. Oleh itu, Liang Shuming tidak bergaul dengan Guo walaupun sentiasa dapat menjumpainya sehingga Liang Shuming berbual sekali dengan Guo. Lihat Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming), hlm. 17.

[29] *Lao Zi* dipercayai dihasilkan oleh Lao Zi (tarikh lahir dan mati tidak dapat dikenalpasti) dan *Zhuang Zi* ditulis oleh Zhuang Zi (369 S.M.-286 S.M.). Kedua-dua buah buku dan tokoh itu merupakan karya penting serta ahli falsafah yang terutama bagi aliran Daoisme. Manakala, *Yi Jing* (*Book of Changes*) adalah klasik Cina yang berunsur keagamaan.

[30] Idea utilitarianisme dipelopori oleh Jeremy Bentham (1748-1832) yang mengatakan "baik" akan meningkatkan kegembiraan dan kebahagiaan; sebaliknya "jahat"akan mengurangkan kegembiraan dan kebahagiaan. Bentham turut menghuraikan "kalkulus nikmat nafsu" (*hedonic calculus)* yang bertujuan mengukur kegembiraan dan kepahitan. Lihat Forrest E. Baird dan Walter Kaufmann, *Nineteenth-Century Philosophy* (New Jersey: Prentice-Hall Inc., 2000), hlm. 2-3. Standard penilaian sebegitu, sedikit sebanyak mempunyai persamaan dengan pegangan Liang Ji dan Liang Shuming. Selain itu, Liang Shuming pernah menyatakan bahawa pemikirannya sewaktu muda seakan-akan mempunyai persamaan dengan idea utilitarianisme, instrumentalisme dan pragmatisme. Namun, Liang Shuming menegaskan bahawa pada ketika itu, beliau tidak mengetahui serba sedikit mengenai idea-idea Barat tersebut. Rujuk Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm. 25.

Renlin tidak menyatakan sebarang pendapat terhadap cita-cita Liang Shuming, tetapi beliau memberitahu Liang Shuming bahawa jikalau seseorang itu benar-benar ingin berjaya dan menyumbang kepada masyarakat dan negara, minda keperibadiannya harus kaya. Guo Renlin juga berpendapat bahawa seseorang itu tidak seharusnya begitu mementingkan kegagalan, kejayaan, memperolehi kebaikan atau mengalami kehilangan sesuatu; sebaliknya harus bersikap tidak mudah terpengaruh dengan perkara-perkara tersebut. Ini kerana dengan bersikap sebegitu, barulah seseorang itu tidak akan mudah berputus asa walaupun menemui kagagalan.[31] Semenjak itu, kata-kata dan pemikiran Guo Renlin telah mempengaruhi dan memberi inspirasi kepada Liang Shuming.[32] Di sini, acuan pemikiran Liang Shuming sedikit sebanyak mengalami perubahan yang tidak nyata. Tatkala itu juga, Liang Shuming mulai cuba mendalami falsafah klasik Cina dan membaca buku-buku Buddhisme di perpustakaan.[33]

Seorang lagi kawan Liang Shuming yang perlu diperkenalkan ialah Zhen Yuanxi yang berasal dari provinsi Guangdong. Zhen Yuanxi merupakan seorang yang amat mengambil berat terhadap politik dan terlibat dalam aktiviti revolusi. Dalam hal politik, walaupun Liang Shuming menyetujui pembaharuan politik secara revolusi diperlukan, namun beliau masih lebih cenderung kepada pembaharuan yang mengikut rentak secara progresif. Selain itu, Liang Shuming mengharapkan sistem parlimen

---

[31] Gong Jianping, *Liang Shuming Dushu Shengya* (Kisah Pembelajaran dan Pembacaan Liang Shuming), hlm. 26; Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm. 29 dan 56.

[32] Setelah lama bergaul dan berinteraksi dengan Guo, Liang Shuming mulai amat memuja Guo; malah mencatit dan mengeditkan kata-kata Guo dalam buku nota yang dikenali sebagai "Petikan daripada Guru Guo". Lihat Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming), hlm. 18.

[33] Pada ketika itu, Liang Shuming banyak membaca karya-karya Konfusianisme yang ditulis oleh Wang Yangming (1472-1529), namun falsafah idealisme Konfusianisme dinasti Ming (1368-1644) dan Buddhisme tidak mempunyai impak ke atas pemikiran beliau dengan segeranya. Liang Shuming masih berpegang teguh pada prinsip "kalkulus nikmat nafsu"nya

berperlembagaan ala Britain dapat bertapak di China dan beranggapan sistem tersebut merupakan sistem politik yang paling ideal.[34]

Dengan itu, Liang Shuming sentiasa berdebat dengan Zhen Yuanxi mengenai langkah pembaharuan politik yang paling sesuai bagi China. Akhirnya Liang Shuming dan Zhen Yuanxi telah menyertai pertubuhan revolusi—Liga Bersekutu Orang-orang Cina (Tongmenghui) cawangan Jingjin[35] pada tahun 1911, iaitu ketika Liang Shuming berusia lapanbelas tahun. Kemudian, pada tahun yang sama, beliau telah tamat pendidikan sekolah menengah iaitu pendidikan formal terakhir yang diterimanya.

Pertubuhan Liga Bersekutu Orang-orang Cina cawangan Jingjin pernah merancang banyak aktiviti revolusi dan rancangan pembunuhan tokoh politik.[36] Apabila Liang Ji mengetahui penglibatan anaknya dalam aktiviti revolusi, beliau tidak menyetujui dengan tindakan anaknya. Sebaliknya, beliau menasihati Liang Shuming bahawa pembaharuan politik secara selangkah demi selangkah juga dapat

---

[34] Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm. 30.

[35] Liga Bersekutu Orang-orang Cina (Tongmenghui/*The Chinese United League*) ditubuhkan secara rasminya pada 20 Ogos 1905. Ia telah menggabungkan Persatuan Xingzhong (Xingzhonghui/*The Revive China Society*) dan Persatuan Huaxing (Huaxinghui/*Society for the Revival of China*) dan Sun Yat-sen dilantik sebagai Pengerusi gabungan itu. Penubuhan Liga Bersekutu Orang-orang Cina bertujuan menyatupadukan semua tenaga dan kumpulan revolusi dalam suatu organisasi demi mengelakkan pergelutan kuasa sesama sendiri. Justeru, Tongmenghui berperanan sebagai *prototype* parti politik moden dan titik penyatuan bagi semua kuasa-kuasa revolusi di China. Kemudiannya, Tongmenghui bertukar menjadi Parti Kuomintang pada 25 Ogos 1912 di Beijing setelah menyerap empat parti kecil lain. Lihat Immanuel Hsu, *The Rise of Modern China* (New York: Oxford University Press, 1995), hlm. 463-477; Harold Z. Schiffrin, *Sun Yat-sen and the Origins of the Chinese Revolution* (Berkeley: University of California Press, 1970), hlm. 8-9; Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming), hlm. 19-20.

[36] Antara tahun 1906-1911, Liga Bersekutu Orang-orang Cina pernah melancarkan sebanyak enam kali revolusi di Guangdong, manakala Guangxi dan Yunnan masing-masing sekali. Percubaan revolusi yang terakhir berlaku pada April 1911. Lihat Immanuel Hsu, *The Rise of Modern China*, hlm. 465.

menyelamatkan China dan tidak semestinya melalui revolusi yang radikal. Namun demikian, Liang Ji tidak banyak campur tangan dalam aktiviti anaknya.[37]

2.4 Terkecainya Ideal

Sewaktu Liang Shuming tamat pendidikan sekolah menengah, dirinya telah dipenuhi dengan semangat berkobar-kobar untuk menyertai revolusi dan mempunyai idaman yang ideal untuk nusa dan bangsa. Perihal semangat dan tindakan beliau sewaktu muda, beliau mengatakan bahawa:

> Mengikut norma biasa, seorang belia sepatutnya bermula daripada 'belajar' kemudian 'bekerja'; namun sejak akhir-akhir ini, pemuda-pemudi China pula bermula daripada 'belajar' kemudian 'revolusi'. Saya turut merupakan salah seorang daripada mereka. Setelah keluar dari sekolah, langkah pertama telah menjejak ke dalam masyarakat umum, bukannya bekerja tetapi menyertai revolusi.[38]

Selain daripada terlibat dengan aktiviti Liga Bersekutu Orang-orang Cina cawangan Jingjin, sebaik sahaja tamat pelajaran sekolah menengah, Liang Shuming turut menjadi editor dan wartawan *Berita Nasional* (*Minguo Bao*), iaitu akhbar yang diterbitkan oleh liga tersebut. Pengasas akhbar itu ialah rakan seperjuangan Liang Shuming, yakni Zhen Yuanxi. Penerbitan akhbar itu adalah bertujuan mempublisitikan gagasan-gagasan politik Liga Bersekutu Orang-orang Cina.[39]

---

[37] Selain daripada menasihati Liang Shuming, Liang Ji menanyakan anaknya satu persoalan, "Jikalau revolusi berjaya dan rakyat dapat menikmati kebaikannya, sememangnya perkara baik; tetapi jikalau revolusi telah membawa malapetaka, siapakah yang akan menanggung kepahitan dan kesusahan tersebut?" Dalam pada itu, setelah menyertai Liga Bersekutu Orang-orang Cina, Liang Shuming telah memotong tocang rambutnya yang menunjukkan hasrat beliau "putus hubungan" dengan dinasti Qing. Lihat "Nianpu" (Biografi Kronologi), *LSQ*, 1: 583; Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm. 41; Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming), hlm. 20.

[38] Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm. 31.

[39] Ketika bertugas sebagai wartawan, Liang Shuming sering menggunakan "Shoumin" sebagai nama penanya; oleh itu, ketua editor *Berita Nasional* (Minguo *Bao*) waktu itu telah memberi nama "Shuming" kepadanya. Liang Shuming amat suka nama tersebut dan terus-menerus memakai nama itu. Lihat Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming), hlm. 23

Sebagai seorang wartawan yang mentah, beliau berusaha giat untuk membuat liputan berkenaan keadaan politik dan masyarakat pada ketika itu. Dalam pada itu, beliau berkesempatan melihat dan mengetahui perkara-perkara di sebalik tirai. Beliau telah mendapati sikap hipokrit di kalangan ahli-ahli politik, pergelutan kuasa dalam parti-parti politk, tipu helah, keborosan ahli politik, perseteruan dan ketidaksatupaduan di kalangan ahli-ahli parti politik. Beliau mengatakan bahawa:

> Bertugas sebagai wartawan hampir setahun lebih, ditambah dengan penglibatan dalam aktiviti revolusi, masih tidak sampai dua tahun. Dalam tempoh itu, kurang membaca sebaliknya banyak aktiviti... ... Setelah kerap meresapi ke dalam masyarakat, semakin memahami bahawa realiti tidak seindah ideal. Bagi 'revolusi', 'politik', 'tokoh-tokoh besar'... ... saya berasa hanya 'biasa' sahaja. Sesetengah perbuatan keji, jijik, tindakan kasar... ... dahulunya tidak terjumpa di sekolah dan rumah, tetapi kini telah menjumpainya; agak menyebabkan saya berasa jemu dan meluat terhadap hidup.[40]

Justeru, Liang Shuming tidak lagi menaruh harapan tinggi terhadap ahli-ahli politik untuk membina semula kekuatan China. Ideal beliau jauh berbeza dengan realiti yang tercemar. Hakikatnya, Liang Shuming memikir semula pendiriannya dalam aspek politik dan sosial. Beliau turut menyedari bahawa selepas revolusi dilancarkan, masalah-masalah yang dihadapi oleh China masih tidak dapat diselesaikan, malah terdapat masalah-masalah sampingan dan soal-soal yang timbul akibat daripada revolusi perlu ditangani.

Selepas itu, pemikiran Liang Shuming beralih ke arah yang lain. Jika kita melihat penglibatan Liang Shuming dalam aktiviti revolusi sebagai tindakan mengkritik dan meragui tradisi, maka era pasca revolusi pula menyebabkan beliau mulai mengkritik realiti masyarakat. Tatkala itu, Liang Shuming berkesempatan

---

[40] Kekecewaan Liang Shuming terhadap keadaan waktu itu menyebabkannya berundur daripada Parti Kuomintang dan meninggalkan *Berita Nasional* pada tahun 1913. Rujuk Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm. 33; Wang Donglin, *Liang Shuming Wenda Lu* (Rekod Wawancara dengan Liang Shuming), hlm 29

mengenali pemikiran sosialisme utopian. Idea-idea sosialisme memberangsangkan Liang Shuming bahawa segala ketidakadilan dan masalah-masalah yang timbul dalam masyarakat disebabkan wujudnya sistem pemilikan harta benda persendirian. Sistem tersebut mengakibatkan setiap individu dalam masyarakat perlu bersaing sesama sendiri demi terus hidup. Dengan itu, etika dan moral diketepikan dan diabaikan. Manakala wang atau kekayaan menjadi kayu ukur bagi segala-segalanya.[41]

Segala ketidakpuasan Liang Shuming terhadap keadaan semasa mencapai klimaksnya apabila beliau mengatakan:

> Kemerosotan etika manusia semakin menjadi-jadi, perkara tersebut sungguh mengerikan! Pakar pendidikan tidak dapat berbuat apa-apa; begitu juga dengan pakar kesihatan, ahli agama, ahli etika, ahli falsafah, bahkan ahli politik dan pakar perundangan. Berbalik kepada akar umbinya, hanya dengan pemansuhan sistem pemilikan harta benda persendirian, dan proses produktiviti dihaknegarakan, masalah-masalah asas dalam kehidupan dapat diselesaikan bersama, dengan itu persaingan sesama manusia dapat dielakkan. –Ini ialah sosialisme![42]

Daripada sini, kita mendapati bahawa Liang Shuming berpendapat tiada keadilan dan kesaksamaan wujud pada ketika itu. Dengan itu, beliau mendakwa punca kewujudan ketidakadilan masyarakat berasal daripada sistem sosial yang terdapat pada waktu itu. Ini turut bererti manusia terikat dengan faktor-faktor persekitarannya.[43] Cara pemikiran sebegitulah yang menyebabkan Liang Shuming menyarankan supaya sistem pemilikan harta benda persendirian dimansuhkan. Namun demikian, pemansuhan tersebut sebenarnya tidak dapat menyelesaikan persoalan yang

---

[41] Sekitar tahun 1912, Liang Shuming terjumpa sebuah buku terjemahan lama, *Shakai Shugi Shinzui* (Intipati Sosialisme) yang ditulis oleh seorang Jepun, Kotoku Shusui. Beliau membaca buku itu dengan penuh keghairahan. Malah, beliau telah mencetak risalah-risalah yang mengandungi pandangannya terhadap sosialisme, lalu mengagihkannya kepada saudara mara serta sahabat handai. Lihat Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm. 34-38.

[42] "Wo de Zixue Xiaoshi" (Sejarah Belajar Sendiri), *LSQ*, 2: 690-691.

[43] Gong Jianping, *Liang Shuming Dushu Shengya* (Kisah Pembelajaran dan Pembacaan Liang Shuming), hlm. 31-32.

merunsingkan Liang Shuming. Justeru, setelah menemui kebuntuan dalam sosialisme, Liang Shuming telah meninggalkan idea tersebut dan mulai mendekati Buddhisme.

Kekecewaan terhadap ketidakadilan dan ketidaksaksamaan yang wujud dalam masyarakat menyebabkan Liang Shuming tidak berhenti-henti berfikir mendalam mengenai fenomena tersebut. Di samping itu, beliau telah berangkat ke Guangxi untuk menduduki suatu peperiksaan supaya dapat melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Dalam perjalanan ke Guangxi, beliau telah bersinggah di Nanjing dan menginap di sebuah hotel. Kos hidup yang tinggi dan mewah di Nanjing amat tidak menyenangkan Liang Shuming.[44] Baginya, ketika negara sedang menghadapi cabaran dan ancaman dari luaran serta dalaman, sesetengah orang pula sanggup berfoya-foya dan hidup dengan keborosan, keadaan begitu amat memedihkan dan mengganggu fikiran beliau.

Dengan realiti yang mendukacitakan dan tidak menemui penyelesaian dalam idea-idea sosialisme, kerunsingan dan keperitan minda Liang Shuming semakin bertambah, tetapi tiada saluran yang membenarkannya meluahkan perasaan-perasaan yang terpendam itu. Malah, beliau pernah berhasrat tidak berkahwin, ingin menjadi sami dan vegetarian setelah menyelami Buddhisme. Akhirnya pada tahun 1912, ketika beliau berusia sembilanbelas, Liang Shuming telah mencuba sebanyak dua kali untuk membunuh diri.[45] Mujurnya, beliau sempat diselamatkan oleh rakannya.

---

[44] Gong Jianping, *Liang Shuming Dushu Shengya* (Kisah Pembelajaran dan Pembacaan Liang Shuming), hlm. 33-34.

[45] Pada Jun 1912, ibu Liang Shuming meninggal dunia setelah lama sakit tenat. Hal tersebut amat menghibakan beliau dan ayahnya. Lihat "Nianpu" (Biografi Kronologi), *LSQ*, 1: 584.

Kemudian, dalam serangkap petikan kata-kata Liang Shuming, beliau telah menganalisa peristiwa membunuh dirinya:

> ... ... membunuh diri, perkara itu boleh dilihat sebagai kontradiksi dalaman diri saya. Ini bererti saya terlalu memandang tinggi terhadap keupayaan diri dan [bersikap] hidung tinggi, tetapi saya juga akan membenci diri sendiri dengan mudahnya; keadaan begitu disebabkan saya ingin menunjuk-nunjukkan keupayaan diri, di samping itu saya turut mempunyai kelemahan yang banyak, maka ia umpama saya bergaduh dengan diri saya; apabila diri saya tidak lagi sanggup menerima padah pergaduhan, ia akan membunuh diri.[46]

Kejadian membunuh diri Liang Shuming dapat dikatakan bahawa beliau menghadapi skizofrenia atau personaliti terbahagi. Jika diteliti, minda beliau pada waktu itu berada dalam ketegangan di mana idealnya dan realiti masyarakat mempunyai percanggahan yang amat nyata, tambahan pula jika ideal beliau tidak dapat memperbaiki kekurangan yang wujud dalam realiti, maka ideal itu akan dikecaikan oleh realiti. Dengan kata lain, Liang Shuming telah terhempit di antara ideal dan hakikat yang sebenarnya. Maka, apabila beliau tidak dapat menembusi himpitan tersebut, membunuh diri merupakan alternatifnya.[47]

Selepas melalui insiden membunuh diri, Liang Shuming menyedari bahawa jiwa manusia mempunyai batasan-batasan yang tidak dapat dilepasi dan perlu bertoleransi dengan hakikat semasa. Dalam erti kata lain, manusia tidak dapat mengelakkan daripada situasi tersebut, demi mencari jawapan muktamad bagi peninjauannya, Liang Shuming telah mendalami dirinya dengan lebih giat ke dalam dunia Buddhisme.

---

[46] Liang Shuming, *Liang Shuming Zishu* (Autobiografi Liang Shuming), hlm. 439-440.

[47] Menurut Guy S. Alitto, jika dilihat dari perspektif psikopatologi, tindakan membunuh diri Liang Shuming, pengalaman kecelaruan pemikirannya ketika muda, menjauhkan diri daripada masyarakat umum, menjadi amat sensitif, kebencian terhadap diri sendiri dan hidup merupakan tanda-tanda psikosis (gangguan saraf yang melibatkan keseluruhan watak seseorang). Malah, Alitto menambah bahawa sepanjang hayat Liang Shuming, beliau mempunyai stigmata psikologi yang tertentu—megalomania, paranoia dan kemurungan. Minat Liang Shuming dalam Buddhisme disifatkan Alitto sebagai suatu terapi kendiri. Untuk keterangan lanjut mengenai analisis Alitto terhadap personaliti Liang Shuming. Lihat Guy S. Alitto, *The Last Confucian: Liang Shu-ming and the Chinese Dilemma of Modernity* (Berkeley: University of California Press, 1986), hlm. 47-52.

Secara keseluruhannya, kita dapati bahawa personaliti zaman muda Liang Shuming bagaikan pucuk rebung yang menanti lenturan, di mana beliau telah dipengaruhi kuat oleh cara didikan dan keperibadian ayah tersayangnya serta rakan-rakan yang berdampingan dengannya. Selain itu, faktor persekitaran makro yakni pendidikan formal yang diterimanya dan berlakunya peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah China yang pasti mempengaruhi setiap individu di China pada ketika itu turut sedikit sebanyak mengubah, membentuk dan melentur corak pemikiran dan perkembangan sahsiah Liang Shuming. Dalam pada itu, naluri dan keprihatinan beliau terhadap persoalan-persoalan China turut mendesak dirinya untuk mencari suatu keseimbangan dan penyelesaian antara peradaban Timur dan Barat. Justeru, dapat dikatakan bahawa faktor keluarga, sahabat handai, persekitaran makro dan jiwa diri sendiri umpama suatu kuartet yang sentiasa silang-menyirat dalam pemikiran Liang Shuming.